

# 4 bahagian lagi memilih Dr. Mahathir, Pak Lah terajui parti

UM - 2 APR 2000

RUALA LUMPUR 2 April —Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Ahdullah Ahmad Badawi yang terus mendapat kepercayaan ahli-ahli UMNO untuk menerajui parti, menyapu bersih pencalonan bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden dari empat bahagian UMNO yang bersidang hari ini.

Keempat-empat bahagian tersebut ialah Kuala Kangsar dan Bukit Gantang di Perak manakala Shah Alam dan Gombak di Selangor memilih kedua-dua pemimpin tersebut secara sebulat suara.

Pencalonan untuk Dr. Mahathir untuk jawatan Presiden kini mencecah 153 manakala Pengerusi Prrhubungan UMNO Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah masih kekal dengan satu pencalonan.

Bagi Abdullah pula, pertambahan pencalonan tersebut membolehkannya mengukuhkan lagi kedu-

dukan dengan 152 pencalonan berbanding Tengku Razaleigh kekal dengan dua pencalonan bagi jawatan Timbalan Presiden.

Sebelum ini Dr. Mahathir dan Abdullah masing-masing telah dianggap sebagai pemenang pertandingan jawatan nombor satu dan dua itu secara tidak rasmi selepas pencabar masing-masing gagal melepasi syarat kelayakan yang ditetapkan.

## Cemerlang

Sementara itu untuk jawatan Naib Presiden, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar turut cemerlang apabila menerima jumlah pencalonan yang sama banyak.

Keputusan tersebut sekali gus membolehkan Najib terus berada dalam kedudukan terbaik senarai pencalonan dengan 141 pencalonan manakala Abu

Hassan kekal di tangga ketiga dengan 54 pencalonan di belakang Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

Di samping itu, empat calon lain turut menerima satu pencalonan daripada bahagian-bahagian yang bersidang hari ini.

Mereka ialah Ketua Menteri Sabah, Datuk Osu Sukam yang dicalonkan oleh UMNO Bahagian, Kuala Kangsar; Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Isa Samad (Bukit Gantang); Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar (Gombak) dan bekas Menteri Besar Selangor, Tan a Sri Muhammad Muhd. Taib yang menerima pencalonan UMNO Bahagian Shah Alam.

Sehingga kini, 154 bahagian UMNO telah selesai bersidang manakala 11 bahagian lagi dijangka menyelesaikan mesyuarat perwakilan masing-masing minggu depan.